

PM puas hati bantuan mangsa banjir

Wm - 14/1/2007

CEBU CITY, Filipina 13 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan di bawah penyelarasan Bahagian Keselamatan Negara (BKN) dalam membantu mangsa banjir kali kedua di lapan buah daerah di Johor sekarang.

Menurut Perdana Menteri, kerja-kerja membantu mangsa banjir yang kini mencecah lebih 74,000 orang berjalan dengan teratur sebagaimana yang dirancang.

"Bahagian Keselamatan Negara menjadi badan penyelarasan dan pemantau situasi banjir di negara kita. Semua agensi kerajaan berada di tempat-tempat (lokasi banjir) untuk menggerakkan kerja-kerja menyelamatkan dan memindahkan mangsa ke tempat yang lebih selamat, di samping menghantar makanan kepada mereka yang terlibat," kata beliau pada sidang akhbar di sini petang ini.

Perdana Menteri berada di Cebu kerana menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12.

Sehingga pukul 10 malam ini, lebih 74,000 orang dipindahkan ke lebih 265 pusat pemindahan sementara dengan daerah Johor Bahru mencatatkan angka tertinggi mangsa banjir dengan lebih 20,000 orang.

Bandar Kota Tinggi dan Mersing pula terputus hubungan manakala sekurang-kurangnya enam jalan utama di negeri Johor ditutup kepada semua lalu lintas.

Memantau

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri memberitahu, BKN akan terus memantau keadaan banjir di daerah-daerah berkenaan dan akan menyediakan tenaga tambahan untuk kerja-kerja menyelamatkan dan membantu mangsa banjir jika keadaan memerlukan.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri juga memaklumkan beliau akan melawat kawasan banjir Selasa ini iaitu sebaik sahaja pulang ke tanah air selepas berakhirnya Sidang Kemuncak ASEAN dan siri sidang kemuncak susulan yang diadakan.

Jelas beliau, pihak kerajaan memang telah menyediakan manual operasi untuk menggerakkan operasi dengan segera apabila berlaku bencana alam, termasuk kejadian banjir seperti yang berlaku sekarang.

"Apabila berlaku banjir, manual operasi dan jabatan-jabatan yang dikenal pasti dan tenaga yang diperlukan dikerahkan ke tempat-tempat berkenaan. Ini adalah rancangan yang telah ditetapkan," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengisytiharkan darurat jika keadaan meruncing, Perdana Menteri memberitahu, kerajaan akan mengambil tindakan itu hanya jika keadaan semakin buruk.

"Ya lah, kalau itu penilaian mereka (BKN) dan itu situasinya. Setakat ini tidak perlu," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan mungkin mempertimbangkan untuk membatalkan yuran persekolahan bagi meringankan beban keluarga mangsa banjir selepas keputusan untuk menangguhkannya selama enam bulan, Perdana Menteri memberitahu, Kementerian Pelajaran boleh mempertimbangkan apa jua pendekatan yang dirasakan sesuai.

- Mingguan